



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

MAJLIS JASAMU DIKENANG TAHUN 2020 DAN MAJLIS  
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2019

### **OLEH**

YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L  
KARPAL SINGH  
**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**  
**MERANGKAP Pengerusi Jawatankuasa Perumahan,**  
**KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**19 FEBRUARI 2020 (RABU)**  
**9.00 PAGI**

**IXORA HOTEL**  
**PERAI**  
**SEBERANG PERAI TENGAH**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

*Ucapan YBhg. Datuk Bandar MBSP 2020*

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berbahagia Datin Hajah Che Limah Binti Hj. Ujang**

Pengerusi PUSPANITA MPSP

**Encik Mohd. Tahir bin Othman**

Pengerusi ANULAE Seberang Perai

**Encik Mat Nasir bin Hassan**

Naib Yang Dipertua PESUKA

**Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff**

Yang Dipertua PERMAI

**Puan Latifah binti Razali**

Pengerusi KOSPEMA

**Yang Diraikan Para Pesara dan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu dan berhimpun pada pagi yang barakah ini di Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2020 dan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa kerana sudir hadir bagi menyempurnakan majlis pada pagi ini. Saya juga ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP, Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada 293 orang kakitangan yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Semoga dengan pengiktirafan ini akan menyuntik semangat dan mencetus inspirasi kepada semua warga kerja MBSP untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang. Juga setinggi-tinggi penghargaan kepada 42 kakitangan yang telah bersara pada tahun 2019 dan akan mula bersara pada tahun 2020.

### **Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan acara tahunan oleh MBSP sebagai pengiktirafan dan penghargaan terhadap kakitangan-kakitangan MBSP yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun 2019 dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Segala usaha, pengorbanan, keringat dan usaha yang diteloh ditunjukkan oleh kakitangan ini dapat menjadi contoh dan pemangkin semangat kepada kakitangan-kakitangan yang lain.

Manakala Majlis Jasamu Dikenang pula adalah untuk menghargai dan mengenang jasa dan sumbangan kakitangan-kakitangan MBSP yang telah bersara pada tahun 2019 dan akan mula bersara pada tahun 2020. Ianya merupakan penghargaan daripada MBSP atas sumbangan dan khidmat

bakti serta usaha yang telah dicurahkan oleh para pesara sekalian dengan penuh dedikasi di sepanjang tempoh perkhidmatan. Sesungguhnya khidmat bakti yang telah disumbangkan kepada MBSP khasnya dan Perkhidmatan Awam amnya tidak dapat dibalas.

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019 akan menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang, Hadiah Prestasi sebanyak RM1000.00, peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja, peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan darjah kebesaran Persekutuan dan Negeri serta nama dan gambar penerima akan dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi oleh orang ramai.

### **Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

MBSP sentiasa menyokong dasar-dasar yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di antaranya Dasar Keterangkuman Gender yang menetapkan 40:40:20. Bagi menyokong Dasar Keterangkuman Gender, MBSP telah menubuhkan Unit Keterangkuman Gender yang pertama di Malaysia bagi memastikan keseimbangan gender

di MBSP mengikut nisbah 40% lelaki, 40% wanita dan 20% terbuka kepada lelaki dan wanita dan ia ditempatkan di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan. Pada hari ini, saya mengisytiharkan bahawa Dasar Keterangkuman Gender telah dicapai oleh Pengurusan MBSP, terutamanya di Peringkat Pengurusan dan Profesional dan Peringkat Kumpulan Pelaksana I. Di peringkat Pengurusan dan Profesional, bilangan pegawai wanita adalah 26 orang (40%) dan pegawai lelaki sebanyak 26 orang (40%). Di peringkat Kumpulan Pelaksana I (Gred 17 – 40) pula bilangan kakitangan wanita adalah 396 orang (40%) dan pegawai lelaki adalah sebanyak 396 orang (40%). Walau bagaimanapun, di peringkat Kumpulan Pelaksana II (Gred 1 – 16) bilangan kakitangan wanita adalah 69 orang (2%) dan kakitangan lelaki adalah 2,855 orang (98%). Ini adalah memandangkan di bawah Kumpulan Pelaksana II, kebanyakan kakitangan adalah terdiri daripada buruh lelaki yang bekerja di lapangan.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2019 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 26% daripada tahun sebelumnya. Seramai 293 kakitangan menunjukkan prestasi yang cemerlang berbanding 232 pada tahun 2018. Daripada jumlah sebanyak 293 kakitangan, **117 (40%)** orang adalah terdiri daripada kakitangan lelaki dan wanita seramai **62 (21%)** orang. Mengikut kumpulan perkhidmatan, seramai **21** orang kakitangan

daripada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional, **168** orang daripada Kumpulan Sokongan 1 dan **104** adalah daripada Kumpulan Sokongan 2.

Peningkatan dalam bilangan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang adalah berikutan pencapaian Seberang Perai dinaik taraf menjadi bandar raya. Kita harus merasa bangga kerana mempunyai Ahli-Ahli Majlis, Setiausaha Bandaraya MBSP, Ketua-Ketua Jabatan, Warga Kerja MBSP, Wira Orange dan komuniti yang inklusif, responsif dan kreatif yang membolehkan Seberang Perai merangkul (12) dua belas anugerah sepanjang tahun 2019, pemegang enam (6) *Malaysia Book Of Records*, melaksanakan tujuh (7) persijilan pengurusan serentak mengikut standard ISO, mencapai kadar kitar semula 51.64% pada tahun 2019. Di samping itu, MBSP juga telah menggondol Sijil Bersih 18 tahun berturut-turut, mencapai penarafan 5 bintang dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dengan pencapaian yang cemerlang dan pengiktirafan anugerah yang berprestij iaitu Anugerah Kualiti SIRIM yang diterima oleh MBSP pada 8 November 2019 secara tidak langsung terbukti MBSP adalah satu organisasi yang unggul dan sentiasa relevan kepada masyarakat Seberang

Perai. Pengiktirafan ini sebaris dengan Syarikat Averex Technology Sdn. Bhd. dalam kategori SME dan Syarikat Teleplan Technology Services Sdn. Bhd. dalam kategori Large Corporation.

MBSP adalah antara bandar raya di dunia, selain daripada New York, Helsinki, Tokyo dan Taipei, yang telah berjaya membentangkan *Voluntary Local Review* berkenaan pelaksanaan 17 *Sustainable Development Goals* (SDGs) di Seberang Perai semasa persidangan *10th World Urban Forum* pada 8 hingga 13 Februari 2020 di Abu Dhabi, UAE. Seberang Perai telah berjaya melaksanakan kesemua 17 SDGs di peringkat tempatan dan telah menjadikannya satu kenyataan kepada masyarakat, isi rumah dan individu.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Kakitangan-kakitangan merupakan aset yang penting yang sentiasa diberi perhatian oleh pihak pengurusan. Tanpa penglibatan dan sokongan mereka, MBSP tidak dapat menempa nama dan terus gemilang menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang cemerlang. Amalan kerja yang berprestasi tinggi akan menghasilkan impak yang cukup baik di mana permasalahan rakyat dan perbandaran diberi perhatian serius dan diambil tindakan yang sewajarnya. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan warga kerja MBSP tidak



terbalas dan tetap terpahat di hati. Dalam konteks perkhidmatan awam, MBSP sentiasa menunjukkan keprihatinan dalam menjaga kebajikan dan kepentingan kakitangan MBSP.

Dalam kesiapsiagaan modal insan ke tahap berdaya maju, MBSP telah menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan daya inovasi kakitangan. Bagi tujuan ini, sejumlah RM1.35juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan untuk menghadiri kursus, seminar dan peperiksaan serta lawatan sambil belajar di dalam dan luar negara untuk menjadikan modal insan MBSP lebih berketrampilan dan berpengetahuan luas.

MBSP juga turut mempromosi *Housing Democracy* dalam pemilikan rumah bagi setiap pekerja dengan mengadakan program *match making* di antara institusi perbankan, pemaju perumahan dan pekerja.

MBSP amat menitikberatkan aspek kebajikan kepada pekerja dengan menyediakan pelbagai kemudahan. Bagi rawatan kesihatan pekerja dan ahli keluarga, kemudahan Klinik Panel disediakan kepada kakitangan MBSP dan mulai tahun 2020, kemudahan rawatan klinik panel dinaikkan sebanyak RM400.00 bagi kakitangan berkeluarga menjadikan had kelayakan tahunan meningkat daripada RM600.00 kepada RM1,000.00

setahun manakala bagi kakitangan yang belum berkeluarga dinaikkan sebanyak RM150.00 menjadikan had kelayakan meningkat daripada RM250.00 kepada RM400.00 setahun. Bagi kakitangan yang suami dan isteri berkhidmat di MBSP, had kelayakan tahunan dinaikkan daripada RM600.00 kepada RM1,400.00 setahun. Kemudahan rawatan adalah termasuk rawatan pergigian, pembelian kaca mata bagi kakitangan yang mempunyai masalah penglihatan dan rawatan kepada anak-anak kakitangan di klinik pakar kanak-kanak. Kemudahan ini dipanjangkan juga kepada kedua ibu bapa kakitangan.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyeru semua kakitangan agar mengamalkan gaya hidup sihat agar perkhidmatan kepada penduduk Seberang Perai dapat diberi dengan lebih cemerlang.

**Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan puan sekalian,**

Saya menghargai usaha-usaha yang ditunjukkan oleh semua kakitangan MBSP tidak kira peringkat jawatan. Pembaharuan yang patut ada pada kita kali ini merupakan satu anjakan baru dan memerlukan pengurusan perubahan atau *change management*. MBSP merupakan satu entiti yang sentiasa memerlukan kepada perubahan bagi membolehkan kita

mampu memenuhi tuntutan atau kehendak semasa *stakeholders* termasuk memastikan visi dan misi MBSP jelas. Ini penting bagi kita membuat pengubahsuaian dan penambahbaikan sistem-sistem atau cara kerja yang ada di dalam organisasi kita supaya menjadi lebih efektif dan efisien.

MBSP juga amat menitikberatkan soal integriti dan disiplin kepada semua kakitangan tidak kira kumpulan pengurusan tertinggi atau sokongan. MBSP sememangnya amat komited dalam usaha membanteras rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan, tatatertib dan pecah amanah di kalangan kakitangan. MBSP telah mengambil tindakan tatatertib kepada kakitangan yang tidak berdisiplin. Pada tahun 2019, MBSP telah mengambil dua (2) tindakan dibuang kerja atas kesalahan pemilikan dadah dan juga ketidakhadiran. Tindakan yang diambil ini diharap dapat menjadi iktibar kepada kakitangan yang masih bermasalah.

**Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan puan sekalian,**

Saya amat mengharapkan agar semua kakitangan MPSP terus mengekalkan momentum kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan Negara serta menyokong dan menjayakan *Wawasan Penang2030* dan Visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient,

Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi (*Seberang Perai Resilient, Inclusive, Green, Competitive and Technology Driven Smart City*) dengan terus memberikan komitmen yang terbaik di dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dan sentiasa menjaga nama baik organisasi. Bukan mudah untuk meletakkan MBSP sepertimana tahap sekarang ini. Tetapi saya yakin dan percaya dengan adanya kerjasama dan usaha kita pasti dapat lakukan yang terbaik.

Dengan ini, saya sudahi dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Sekian, terima kasih.**